

Headline	UiTM terap amalan integriti		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	10 Apr 2014	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	138,805
Page No	V3	Readership	1,048,000
Language	Malay	ArticleSize	272 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 9,209
Frequency	Daily	PR Value	RM 27,626



*Prof Sahol Hamid (kiri) bersalaman dengan Mohd Tap (dua dari kanan), selepas menandatangani MoU, baru-baru ini.*

**Shah Alam:** Universiti Teknologi Mara (UiTM) komited dalam usaha membudayakan pengurusan yang berintegriti dan berakauntabiliti dalam kalangan pelajar serta kakitangan bagi mencapai status universiti bertaraf dunia.

Naib Canselornya, Tan Sri Dr Sahol Hamid Abu Bakar, berkata UiTM memandang serius untuk meletakkan integriti sebagai satu prinsip dan ciri budaya kerja dalam kehidupan mereka. "Sebagai pengeluar sumber manusia terbesar dalam kalangan institut pengajian tinggi (IPT) dalam negara ini, pengamalan integriti dapat memastikan semua graduan yang dihasilkan mempunyai tahap integriti yang tinggi.

"Kesan positif terhadap organisasi dapat diterapkan jika graduan yang mempunyai nilai dan etika yang tinggi berupaya menghasilkan tahap tadbir

urus yang cemerlang," katanya dalam sidang media selepas menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bersama Institut Integriti Malaysia (IIM) di sini, baru-baru ini.

Yang turut hadir Presiden IIM, Datuk Dr Mohd Tap Salleh dan Pro Canselor UiTM, Tan Sri Sallehuddin Mohamed.

Prof Sahol Hamid berkata, pelbagai program sudah dirangka bagi memberi perhatian khusus kepada integriti akademik.

#### **Rangka polisi, dasar**

"Kita sudah membangunkan beberapa polisi dan dasar bagi membendung pelanggaran integriti akademik dalam kalangan pensyarah, staf pentadbiran dan juga pelajar.

"Kita dapat melihat kesan pelaksanaan dasar ini apabila berjaya menca-

takan penurunan dalam kes pelanggaran etika sekali gus membuktikan integriti berjaya diterapkan di UiTM," katanya.

Sementara, Mohd Tap berkata, pembudayaan integriti semakin diambil serius oleh semua organisasi dan setakat ini, 48 organisasi sudah menandatangani MoU bersama IIM untuk menjadi Rakan Integriti IIM termasuk beberapa IPT.

"Objektif MoU yang ditandatangani adalah untuk menggalakkan perkhidmatan yang berkaitan dengan bidang pemantapan integriti kepada warga sesebuah organisasi supaya sentiasa mempunyai tahap integriti yang tinggi.

"Program dan pelan pembudayaan di organisasi yang terbabit juga sedang giat dilakukan dan berjalan dengan lancar," katanya.